

Kesusasteraan Melayu (922)

PRESTASI KESELURUHAN

Sebanyak 7196 calon telah menduduki peperiksaan bagi mata pelajaran ini pada tahun 2010. Peratusan calon yang lulus penuh dalam mata pelajaran ini pada tahun 2010 ialah 65.55 %, iaitu menurun 1.63% berbanding dengan 67.18% pada tahun 2009.

Pencapaian calon bagi mata pelajaran ini mengikut gred adalah seperti yang berikut.

Gred	A	A-	B+	B	B-	C+	C	C-	D+	D	F
Peratusan	5.79	5.10	6.56	9.69	12.49	12.01	13.91	10.12	8.81	6.01	9.51

RESPONS CALON

KERTAS 922/1 (KESUSASTERAAN MELAYU TRADISIONAL)

Komen am

Secara keseluruhannya, mutu jawapan calon bagi kertas ini pada tahun ini adalah sederhana. Antara kelemahan jawapan calon yang dikesan termasuklah tidak membuat perancangan sebelum menjawab, tidak dapat memberikan contoh, tidak mempunyai pengetahuan yang mendalam terhadap sastera panji, sastera undang-undang, teks *Sulalatus Salatin (Sejarah Melayu)*, dan teks yang termuat dalam *Mutiara Sastera Melayu Tradisional*. Di samping itu, calon juga tidak dapat mengemukakan fakta atau mengemukakan fakta yang bertindih antara satu sama lain dan berulang-ulang, lebih banyak mengolah kembali karya atau teks yang dikemukakan yang tidak bersandar pada kehendak soalan, dan menggunakan istilah yang tidak tepat terutamanya dalam unsur gaya bahasa dan teknik penulisan.

Komen soalan demi soalan

BAHAGIAN A: *Sejarah Kesusasteraan Melayu Tradisional*

Soalan 1

Soalan ini terbahagi kepada dua bahagian. Soalan bahagian (a) menghendaki calon menyatakan lima contoh karya sastera panji. Kebanyakan calon dapat mengemukakan sekurang-kurangnya dua buah karya sastera panji dengan tepat. Antara jawapan yang sepatutnya termasuklah *Hikayat Cekel Waneng Pati*, *Hikayat Panji Semirang*, *Hikayat Misa Taman Jayeng Kusuma*, *Hikayat Carang Kulina*, *Hikayat Raja Kuripan*, dan *Syair Ken Tambuhan*.

Soalan bahagian (b) menghendaki calon menjelaskan empat ciri sastera panji. Kebanyakan calon dapat mengemukakan fakta ciri sastera panji dengan baik. Walau bagaimanapun, terdapat calon yang mengemukakan fakta yang bercampur aduk antara ciri sastera panji dengan ciri sastera hikayat atau cerita lipur lara. Antara jawapan yang sepatutnya termasuklah unsur penyamaran, unsur penjelmaan, latar, watak utama, dan watak pengiring.

Soalan 2

Soalan ini terbahagi kepada dua bahagian. Soalan bahagian (a) menghendaki calon menyatakan lima buah karya sastera undang-undang Melayu tradisional. Kebanyakan calon dapat mengemukakan sekurang-kurangnya tiga buah karya sastera undang-undang dengan tepat. Antara jawapan yang sepatutnya termasuklah *Hukum Kanun Melaka*, *Undang-Undang Laut Melaka*, *Undang-Undang Kedah*, *Undang-Undang Pahang*, *Undang-Undang 99 Perak*, dan *Undang-Undang Palembang*.

Soalan bahagian (b) menghendaki calon membincangkan empat gambaran masyarakat yang terpancar dalam undang-undang Melayu tradisional. Kebanyakan jawapan calon tidak menepati kehendak soalan tentang gambaran masyarakat. Selain itu, fakta dan huraian yang dikemukakan juga umum. Calon sepatutnya membincangkan sistem pemerintahan, susun lapis masyarakat, aktiviti masyarakat, kekeluargaan, dan status sosial.

BAHAGIAN B: Karya Agung Sulalatus Salatin (Sejarah Melayu)

Soalan 3

Soalan ini terbahagi kepada dua bahagian yang berdasarkan teks *Sulalatus Salatin (Sejarah Melayu)*. Soalan bahagian (a) menghendaki calon menerangkan latar belakang Hang Tuah sebelum beliau diangkat menjadi laksamana Melaka. Kebanyakan calon tidak dapat mengemukakan fakta dengan tepat. Selain itu, terdapat kecenderungan calon mengemukakan jawapan dengan mencampuradukkan latar belakang Hang Tuah dalam *Sulalatus Salatin (Sejarah Melayu)* dan *Hikayat Hang Tuah*. Terdapat juga calon yang mengemukakan jawapan berdasarkan filem *Hang Tuah*. Calon sepatutnya menerangkan asal usul, sikap, dan sifat *Hang Tuah*.

Soalan bahagian (b) menghendaki calon menghuraikan lima sumbangan Hang Tuah setelah beliau menjadi laksamana Melaka. Kebanyakan calon mengemukakan fakta dan huraian yang umum. Selain itu, terdapat kecenderungan calon mengemukakan jawapan berdasarkan sumbangan Hang Tuah dalam *Hikayat Hang Tuah*. Calon sepatutnya menghuraikan kebolehan atau kejayaan Hang Tuah menewaskan orang yang mengamuk dan musuh Melaka, mendapatkan Siantan daripada Betara Majapahit, menyelamatkan kuda Sultan Mansur Syah, menewaskan angkatan Semerluki dari Mengkasar, mengetuai peminangan Puteri Gunung Ledang, dan membunuh Hang Jebat yang menderhaka.

Soalan 4

Soalan ini berdasarkan teks *Sulalatus Salatin (Sejarah Melayu)*. Soalan ini menghendaki calon membincangkan sejauh mana kezaliman Sultan Mahmud Syah menjadi faktor kejatuhan Melaka ke tangan Feringgi. Kebanyakan calon dapat mengemukakan jawapan dengan baik. Walau bagaimanapun, terdapat jawapan calon yang tertumpu kepada kezaliman Sultan Mahmud Syah semata-mata tanpa mengaitkannya dengan kejatuhan Melaka. Antara jawapan yang sepatutnya dari sudut faktor kezaliman Sultan Mahmud Syah termasuklah bermukah dengan isteri Tun Biajid, membunuh Tun Ali Sandang melalui Tun Isap, membunuh Seri Bija Diraja, dan membunuh Bendahara Seri Maharaja Tun Mutahir sekeluarga. Faktor luaran pula ialah ketidaksetiaan Bendahara Seri Maharaja Tun Mutahir kepada raja, amalan rasuah yang berleluasa, kekuatan tentera Feringgi, dan ketiadaan ketua angkatan perang yang bijaksana.

BAHAGIAN C: *Prosa Melayu Tradisional*

Soalan 5

Soalan ini terbahagi kepada dua bahagian yang berdasarkan cerita “Bawang Putih Bawang Merah” sebagaimana yang termuat dalam *Mutiara Sastera Melayu Tradisional*. Soalan bahagian (a) menghendaki calon menjelaskan tiga sikap buruk yang boleh merosakkan hubungan kekeluargaan. Kebanyakan calon dapat menjawab soalan ini dengan baik. Namun begitu, terdapat kecenderungan calon mengemukakan jawapan berdasarkan drama atau filem “Bawang Putih Bawang Merah”. Antara jawapan yang sepatutnya termasuklah sikap dengki, mengambil kesempatan daripada kelurusan hati orang lain, suka membinasakan orang lain, dan mementingkan diri.

Soalan bahagian (b) menghendaki calon membincangkan empat nilai kemanusiaan yang boleh memberikan manfaat kepada mereka. Kebanyakan calon dapat mengemukakan fakta dengan baik tetapi huraian dan contoh yang diberikan mempunyai kecenderungan pada kisah yang dipetik berdasarkan drama atau filem. Antara jawapan yang sepatutnya termasuklah nilai penyayang, bertanggungjawab, prihatin terhadap pendapat orang lain, jujur, dan pemaaf.

Soalan 6

Soalan ini terbahagi kepada dua bahagian yang berdasarkan petikan “Puteri Sa’dong” sebagaimana yang termuat dalam *Mutiara Sastera Melayu Tradisional*. Soalan bahagian (a) menghendaki calon menjelaskan maksud petikan dan menyatakan siapakah *musuh di depanku ini*. Kebanyakan calon dapat mengemukakan jawapan dengan baik dari aspek maksud petikan seperti Puteri Sa’dong mewarisi ilmu kesaktian daripada nenek moyangnya, menukar wajah menjadi seorang panglima yang perkasa, dan mengisi dirinya dengan segala ilmu kebal untuk berlawan. Kebanyakan calon juga dapat mengemukakan fakta pecahan soalan seterusnya, iaitu Raja Abdullah atau suami Puteri Sa’dong sebagai jawapan.

Soalan bahagian (b) menghendaki calon membincangkan perwatakan Puteri Sa’dong dalam keseluruhan cerita “Puteri Sa’dong” dari segi latar belakang dan sejarah watak serta sifat dalaman watak. Soalan ini memerlukan kefahaman calon tentang teks. Kebanyakan calon dapat mengemukakan jawapan dengan baik kerana mereka menguasai teks. Antara jawapan yang sepatutnya bagi latar belakang dan sejarah watak termasuklah beliau merupakan anak perempuan Cik Siti Wan Beriman dan Raja Loyar, diambil oleh Raja Siam selama enam bulan untuk dijadikan gundik, membunuh suaminya yang kejam, dan menghilangkan diri. Bagi sifat dalaman watak pula, beliau mempunyai kebolehan yang luar biasa, mementingkan maruah, mudah merajuk, dan sanggup berkorban.

BAHAGIAN D: *Puisi Melayu Tradisional*

Soalan 7

Soalan ini terbahagi kepada tiga bahagian yang berdasarkan petikan puisi dikir atau zikir sebagaimana yang termuat dalam *Mutiara Sastera Melayu Tradisional*. Soalan bahagian (a) menghendaki calon menyatakan jenis puisi. Kebanyakan calon dapat menyatakan jenis puisi, iaitu dikir atau zikir sebagai jawapan.

Soalan bahagian (b) menghendaki calon menjelaskan empat teknik penulisan puisi tersebut. Kebanyakan calon dapat menjelaskan teknik penulisan puisi, iaitu rangkap, baris dalam serangkap, suku kata dalam sebaris, perkataan sebaris, dan maksud sebagai jawapan.

Soalan bahagian (c) menghendaki calon menghuraikan tema dan persoalan puisi tersebut. Soalan ini memerlukan kefahaman calon tentang setiap rangkap puisi tersebut. Kebanyakan calon tidak dapat mengemukakan fakta dan huraian dengan baik kerana tidak memahami maksud rangkap dalam puisi. Calon sepatutnya menghuraikan tema puisi, iaitu keagamaan. Bagi persoalan pula, calon sepatutnya menghuraikan persoalan puisi, iaitu tentang ibadat, puji-pujian kepada Allah, keimanan, puji-pujian kepada Nabi Muhammad, dan kelebihan berdoa.

Soalan 8

Soalan ini terbahagi kepada dua bahagian yang berdasarkan petikan puisi teromba sebagaimana yang termuat dalam *Mutiara Sastera Melayu Tradisional*. Soalan bahagian (a) menghendaki calon menjelaskan maksud ungkapan atau rangkai kata. Pertama ialah *penghulu biasa menghukum adat, alim biasa menghukum syarak*. Kedua ialah *hulubalang biasa menjarah, juara biasa melepas*. Ketiga ialah *bulat air kerana pembetung, bulat manusia kerana muafakat*. Keempat ialah *muafakat lalu di dalam gelap, adat lalu di tengah terang*. Kelima ialah *hidup dikandung tanah, mati dikandung bumi*. Kebanyakan calon tidak dapat mengemukakan jawapan dengan tepat. Selain itu, kebanyakan calon juga hanya dapat menjelaskan sekurang-kurangnya satu rangkai kata dengan jelas. Calon sepatutnya menjelaskan bahawa maksud pada ungkapan pertama ialah penghulu menggunakan hukum adat dan ulama menggunakan hukum syarak apabila menjatuhkan hukuman. Maksud bagi ungkapan kedua pula ialah hulubalang melakukan serangan dan juara sabung melepaskan sabungannya untuk dilagakan apabila seseorang melakukan sesuatu berdasarkan kebolehannya. Maksud bagi ungkapan ketiga ialah muafakat penting dalam membuat keputusan yang diibaratkan pergerakan air yang menjadi bulat kerana pembetung. Maksud bagi ungkapan keempat pula ialah keputusan yang dibuat secara muafakat tidak semestinya mengikut aturan berbanding keputusan yang dibuat secara adat yang mesti mengikut aturan. Ungkapan terakhir ialah hidup mati manusia mempunyai aturan, iaitu hidup ditentukan oleh hukum adat dan mati ditentukan oleh hukum Allah.

Soalan bahagian (b) menghendaki calon menghuraikan lima unsur gaya bahasa yang terdapat dalam puisi tersebut. Kebanyakan calon dapat menghuraikan unsur gaya bahasa, iaitu personifikasi, asonansi, aliterasi, citra, diksi, dan perulangan kata di tengah baris yang sejajar, sebagai jawapan.

KERTAS 922/2 (KESUSASTERAAN MELAYU MODEN)

Komen am

Secara keseluruhannya, mutu jawapan calon bagi kertas ini pada tahun ini adalah sederhana. Antara kelemahan jawapan calon yang dikesan termasuklah tidak menguasai kata tugas yang dikemukakan dalam soalan seperti *galurkan* dan *bandingkan*, tidak menguasai pendekatan sastera seperti pendekatan agama atau moral, tidak menitikberatkan atau memberikan fokus kepada istilah tertentu seperti istilah *budaya*, mengemukakan fakta yang tidak selari dengan huraian dan contoh, mereka-reka fakta seolah-olah tidak bersedia untuk menjawab, dan tidak menghayati novel *Saudagar Besar dari Kuala Lumpur* serta teks yang termuat dalam *Mutiara Sastera Melayu Moden*.

Komen soalan demi soalan

BAHAGIAN A: Sejarah Kesusasteraan Melayu Moden dan Kritikan Sastera

Soalan 1

Soalan ini terbahagi kepada dua bahagian yang berdasarkan tokoh Abdul Rahim Kajai yang digelar sebagai “Bapa Cerpen Melayu”. Soalan bahagian (a) menghendaki calon menghuraikan latar

belakang beliau. Soalan ini memerlukan pengetahuan calon yang mendalam tentang tokoh tersebut. Kebanyakan calon tidak dapat mengemukakan fakta dengan tepat. Calon sepatutnya menghuraikan nama penuh, tempat kelahiran, tahap pendidikan, dan alam pekerjaan termasuk semasa berkhidmat di syarikat akhbar atau majalah.

Soalan bahagian (b) menghendaki calon menghuraikan lima sumbangan beliau dalam penulisan cerpen Melayu. Kebanyakan calon tidak dapat mengemukakan jawapan dengan baik. Selain itu, terdapat calon yang menyentuh sumbangan beliau dalam penulisan novel dan sajak Melayu. Calon sepatutnya menghuraikan sumbangan beliau berdasarkan karya yang dihasilkan, tema dan persoalan yang diketengahkan, teknik dan gaya bahasa yang digunakan, pelopor perkembangan penulisan cerpen Melayu, dan banyak menghasilkan cerpen berbentuk kritikan sosial.

Soalan 2

Soalan ini terbahagi kepada dua bahagian yang berdasarkan pendekatan moral atau agama. Soalan bahagian (a) menghendaki calon menyatakan pengertian pendekatan tersebut dan menghuraikan tiga ciri pendekatan tersebut dalam kritikan sastera Melayu. Kebanyakan calon tidak dapat mengemukakan jawapan bagi pendekatan moral atau agama dengan baik seolah-olah tidak mempunyai pengetahuan konsep pendekatan tersebut. Selain itu, didapati jawapan calon juga menunjukkan bahawa calon tidak dapat membezakan antara pengkritik sastera dengan penulis sastera. Calon sepatutnya menyatakan bahawa pendekatan tersebut merupakan pendekatan yang menyentuh hal nilai dan norma masyarakat serta sistem kepercayaan bagi masyarakat yang mengamalkannya. Calon juga sepatutnya menghuraikan ciri pendekatan tersebut yang mementingkan agama sebagai ukur nilai masyarakat dalam karya, meneliti nilai dan norma masyarakat dalam karya, mengkaji nilai moral dalam karya mengikut peredaran keadaan, dan menolak karya yang tidak bermoral.

Soalan bahagian (b) menghendaki calon menyatakan empat tokoh yang menggunakan pendekatan tersebut dan menghuraikan kritikan pendekatan mereka hingga tahun 70-an. Kebanyakan calon tidak dapat menyatakan tokoh seperti Shahnnon Ahmad, Kassim Ahmad, Yahya Ismail, Ramli Isin, dan Baharuddin Zainal sebagai jawapan. Kebanyakan calon juga cenderung menghuraikan kritikan pendekatan yang tidak berkaitan. Calon sepatutnya menghuraikan tulisan kritikan seperti yang dibuat oleh Baharuddin Zainal yang mengkritik sajak “Sidang Roh” dan “Penyairmu” karya Kassim Ahmad dengan meneliti kepentingan moral dalam karya tersebut.

BAHAGIAN B: *Novel dan Cerpen*

Soalan 3

Soalan ini berdasarkan penyataan bahawa novel *Saudagar Besar dari Kuala Lumpur* banyak memfokuskan latar masyarakat Melayu. Soalan ini menghendaki calon membincangkan lima latar masyarakat Melayu dari segi budaya dalam novel tersebut. Kebanyakan calon cenderung mengemukakan latar masyarakat Melayu semata-mata dengan mengabaikan aspek budaya dan memperoleh markah yang rendah. Walau bagaimanapun, didapati calon yang memperoleh markah yang tinggi untuk soalan ini disebabkan fakta dan huraian yang dikemukakan menyentuh latar masyarakat Melayu dari segi budaya. Antara jawapan yang sepatutnya termasuklah perkahwinan sekufu, penentuan jodoh oleh golongan tua, pengekal upacara meminang, penggunaan sistem sapaan, penganjuran majlis perkahwinan yang sederhana, dan pengaruh budaya barat.

Soalan 4

Soalan ini terbahagi kepada tiga bahagian yang berdasarkan petikan dialog cerpen “Macam Gergaji Dua Mata” karya Ishak Haji Muhammad. Soalan bahagian (a) menghendaki calon menyatakan nama watak bapa dalam dialog tersebut. Kebanyakan calon tidak dapat mengemukakan nama Chau Ju Kua dengan tepat sebagai jawapan.

Soalan bahagian (b) menghendaki calon menggalurkan empat peristiwa sebelum dialog diucapkan. Kebanyakan calon tidak dapat mengemukakan peristiwa mengikut urutan atau secara kronologi dengan baik. Calon sepatutnya memulakan peristiwa Lili Chu membaca majalah *Keris*, diikuti oleh peristiwa perbuatannya ditegur oleh bapanya, seterusnya peristiwa perdebatan antara Lili Chu dengan bapanya, diikuti oleh peristiwa Lili Chu dan bapanya bertolak ke Singapura, dan seterusnya peristiwa Lili Chu dan bapanya bertolak ke China.

Soalan bahagian (c) menghendaki calon membandingkan empat perwatakan Lili dengan bapanya. Kebanyakan calon tidak dapat mengemukakan jawapan dengan baik seperti yang dikehendaki oleh kata tugas yang diberikan. Selain itu, terdapat kecenderungan calon membuat perbezaan perwatakan atau menghuraikan perwatakan secara berasingan. Calon sepatutnya membandingkan perwatakan secara serentak dengan melihat sudut perbezaan dan persamaan seperti dari aspek kebolehan membaca dan menulis dalam bahasa Melayu, perasaan cinta atau setia terhadap Tanah Melayu, sikap mengenang budi terhadap orang Melayu, mengamalkan budaya orang Melayu, dan mempunyai pendirian yang tegas.

BAHAGIAN C: Drama

Soalan 5

Soalan ini terbahagi kepada dua bahagian yang berdasarkan drama “Lawyer Dahlan” karya Shaharom Husain. Soalan bahagian (a) menghendaki calon menghuraikan plot drama tersebut. Kebanyakan calon dapat mengemukakan jawapan dengan baik. Walau bagaimanapun, terdapat kecenderungan calon mengemukakan sinopsis cerita. Jawapan yang sepatutnya hendaklah dimulai dengan menghuraikan peristiwa yang terdapat dalam permulaan, diikuti oleh peristiwa dalam perkembangan, seterusnya peristiwa dalam klimaks, dan diakhiri dengan peristiwa dalam peleraian.

Soalan bahagian (b) menghendaki calon memberikan kesimpulan tentang huraian plot tersebut. Kebanyakan calon tidak dapat mengemukakan jawapan dengan baik. Calon sepatutnya memberikan kesimpulan seperti plot bersifat kronologis, peristiwa disusun secara mudah, peleraian mengikut kaedah keadilan seni (*poetic justice*), dan konflik plot bersifat budaya.

Soalan 6

Soalan ini terbahagi kepada empat bahagian yang berdasarkan petikan dialog yang terdapat dalam drama “Malam Ini Penyu Menangis” karya Noordin Hassan. Soalan bahagian (a) menghendaki calon menyatakan watak Perempuan Tua. Kebanyakan calon dapat menyatakan watak Perempuan Tua, iaitu iblis, sebagai jawapan.

Soalan bahagian (b) menghendaki calon menyatakan siapa “anak yang manis rupawan” yang dimaksudkan oleh Perempuan Tua itu. Kebanyakan calon dapat menyatakan “anak yang manis rupawan” itu ialah Rahmah atau isteri Nabi Ayub sebagai jawapan.

Soalan bahagian (c) menghendaki calon menghuraikan tiga peristiwa yang menimpa Ayub. Kebanyakan calon dapat mengemukakan jawapan dengan baik. Antara jawapan yang sepatutnya termasuklah kesemua anaknya meninggal dunia, binatang ternakannya mati, ladangnya hangus terbakar, dan menghidap penyakit yang dahsyat.

Soalan bahagian (d) menghendaki calon menjelaskan satu persamaan dan dua perbezaan watak antara isteri Nabi Ayub dengan isteri J.M. Aziz dengan mengemukakan contoh. Kebanyakan calon dapat mengemukakan jawapan dengan baik. Walau bagaimanapun, terdapat kecenderungan calon yang mengemukakan fakta dan huraian yang tidak selari. Selain itu, kecenderungan calon yang lain ialah membuat persamaan dan perbezaan watak atau menghuraikan watak secara berasingan. Antara jawapan yang sepatutnya bagi aspek persamaan termasuklah suami yang dihindangi penyakit, melahirkan anak, dan kejelitaan. Bagi aspek perbezaan pula ialah kesetiaan, kesabaran, pengorbanan, dan bertanggungjawab.

BAHAGIAN D: *Sajak*

Soalan 7

Soalan ini terbahagi kepada tiga bahagian yang berdasarkan sajak “Pengait Tua” karya Muhammad Haji Salleh. Soalan bahagian (a) menghendaki calon menyatakan dua fungsi sosial sajak tersebut. Kebanyakan calon tidak dapat mengemukakan jawapan dengan baik. Selain itu, kecenderungan calon ialah mengaitkan fungsi sosial dengan mesej atau pengajaran. Calon sepatutnya menyatakan fungsi sosial sajak tersebut ialah ingatan kepada anak supaya usah melupakan jasa ibu kerana tanpanya siapalah kita, menghargai pengorbanan ibu kerana telah membesarkan kita, dan tanpa ibu nescaya kita tidak akan lahir ke dunia.

Soalan bahagian (b) menghendaki calon menyatakan tema dan dua persoalan dalam sajak tersebut. Soalan ini memerlukan kefahaman calon terhadap setiap rangkap puisi tersebut. Kebanyakan calon tidak dapat menyatakan tema kasih sayang sebagai jawapan sebaliknya fakta yang dikemukakan berlegar-legar tentang kehidupan ibu tua semata-mata. Selain itu, kebanyakan calon juga tidak dapat menyatakan persoalan tentang ibu tua yang terus menanti kepulangan anak-anaknya yang tidak kunjung tiba, ibu tua yang sering dipinggirkan oleh anak-anaknya, dan ibu tua yang mengasihi anak-anaknya dalam mengemukakan jawapan.

Soalan bahagian (c) menghendaki calon menjelaskan mesej, nilai, dan latar yang ingin disampaikan oleh Muhammad Haji Salleh dalam sajak tersebut. Kebanyakan calon dapat mengemukakan ketiga-tiga aspek tersebut dengan baik. Antara jawapan yang sepatutnya bagi mesej termasuklah kita hendaklah mengingati jasa ibu dan kita hendaklah menziarahi ibu. Jawapan bagi nilai ialah nilai kesabaran dan ketabahan. Jawapan bagi latar pula ialah latar masa dan masyarakat.

Soalan 8

Soalan ini terbahagi kepada dua bahagian yang berdasarkan sajak “Laut” karya J.M. Aziz. Soalan bahagian (a) menghendaki calon menghuraikan tiga mesej yang ingin disampaikan oleh penyajak dalam sajak tersebut. Kebanyakan calon dapat mengemukakan mesej tentang laut sebagai punca rezeki kepada nelayan, laut menggambarkan kedamaian, laut dapat mengubah kehidupan nelayan, dan kegigihan nelayan mencari rezeki di laut dalam mengemukakan jawapan.

Soalan bahagian (b) menghendaki calon menjelaskan empat unsur gaya bahasa yang menimbulkan kesan estetik dalam sajak tersebut. Kebanyakan calon dapat menjelaskan unsur bahasa seperti asonansi, aliterasi, paradok, inversi, dan perlambangan dalam mengemukakan jawapan.